KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	KOSMO			
TARIKH	:	19/11/2021 (JUMAAT)	MUKA SURAT	:	30
JABATAN	:	JPSM			

Pulihara, jaga aset hutan jadi keutamaan

Oleh FARID AHMAD TARMIJI

MINAT mendalam dalam bidang perhutanan telah mendorong Januarie Kulis, 37, untuk menjadikan bidang itu sebagai satu kerjaya.

Dia yang dilantik sebagai Renjer Taman Negara Niah sejak 2011 tidak pernah menyesal meninggalkan suasana kesibukan kota dan menjadikan flora dan fauna sebagai 'pejabat'.

Januarie yang dilahirkan di Sibu, Sarawak merupakan graduan Ijazah Sarjana Muda Sains Perhutanan dari Universiti Putra Malaysia dan mula berkhidmat dengan Perbadanan Perhutanan Sarawak sejak 2006.

Sebagai renjer, wanita itu dipertanggungjawabkan untuk mengurus operasi lapangan secara keseluruhan di Taman Negara Niah termasuk perlindungan, pemuliharaan, pengurusan dan eko-pelancongan.

"Bidang ini adalah pilihan saya apabila menamatkan pengajian di universiti. Saya mahu menjadi sebahagian daripada proses pemuliharaan dan perlindungan khazanah ini.

"Kini, saya berpeluang untuk terlibat secara langsung dalam memulihara dan melindungi aset semula jadi yang amat berharga ini," katanya.

Walaupun kerjaya ini kelihatan lasak dan jauh daripada persepsi pekerjaan impian setiap wanita, Januarie tidak pernah menganggap tugasnya itu sebagai beban kerana dia melakukan pekerjaan yang diminatinya.

Baginya, banyak kenangan dan pengalaman berharga dapat dikecapinya yang mungkin tidak dapat diperoleh melalui kerjaya lain.

Dia dapat berjumpa dan berurusan dengan pelbagai lapisan komuniti melalui program-program yang dijalankan di situ.

"Ramai pelancong beranggapan semua taman negara di Sarawak adalah sama sehinggalah mereka melawati sendiri setiap satunya yang ada di negeri ini.

"Setiap taman negara di Sarawak mempunyai nilai estetikanya tersendiri dan memberi pengalaman berbeza bagi setiap pengunjung.

"Di Taman Negara Niah, terdapat empat tarikan signifikan iaitu tapak tinggalan sejarah arkeologi, sarang burung walit, batu kapur dan juga biodiversiti," jelasnya.

Gua Niah adalah sebuah gua terletak di pedalaman Miri dan diwartakan sebagai tapak bersejarah di bawah kuasa Muzium Sarawak.

Ia terletak di dalam Taman Negara Niah yang dilindungi oleh Ordinan Taman Negara dan Rizab Alam Semula jadi.

Menurut hasil kajian diketuai Darren Curnoe, seorang pakar paleoarkeoligi dari Australia yang mengkaji penemuan kerangka tulang manusia purba di Traders Cave, Gua Niah dipercayai berusia 65,000 tahun.

Gua Niah merupakan satu kompleks temuan yang mempunyai kaitan antara satu dengan yang lain berdasarkan kajian arkeologi daripada jumpaan Deep Skull era paleolitik dan kuburan besar neolitik di Lobang Kuala hinggalah lukisan gua di Gua Kain Hitam.

Sementara itu, Januarie menjelaskan, akibat pandemik Covid-19 yang melanda negara sejak tahun lalu, Taman Negara Niah terpaksa ditutup untuk satu jangka masa yang agak panjang.

Bagaimanapun, mereka telah bersedia untuk membuka semula taman negara berkenaan dengan mengamalkan prosedur operasi standard (SOP) yang lebih ketat bagi mematuhi saranan daripada Kementerian Kesihatan.

Katanya lagi, industri pelancongan memainkan peranan penting untuk menghubungkan taman negara ini dengan orang ramai di luar sana, selain menjana pendapatan ekonomi.

"Taman negara mampu memberi banyak manfaat dari segi fizikal, spiritual dan juga mental.

"Mereka yang mendekati alam akan dapat menikmati kedamaian dan ketenangan fikiran.

"Industri pelancongan alam atau eko-pelancongan mampu membina masyarakat yang sihat daripada semua sudut," ujarnya.

Tambahnya lagi, eko-pelancongan adalah salah satu tema utama aktiviti pelancongan yang ada di Bumi Kenyalang.

Kini, ramai warga kota sudah mulai menghargai nilai-nilai alam semula jadi untuk dijadikan sebagai terapi selepas menjalani kehidupan yang sesak dan penuh dengan hiruk-pikuk di bandar besar.


Flora dan fauna yang terdapat di Sarawak adalah unik dan mempunyai kepelbagaian tersendiri, baik bagi golongan pengkaji mahupun masyarakat umum.

Spesies-spesies ikonik seperti orang utan, bunga raflesia serta kepelbagaian habitat memberikan pengalaman yang menarik bagi para pelancong untuk menerokanya.

> Mereka yang mendekati alam akan dapat menikmati kedamaian. Industri pelancongan alam atau eko-pelancongan mampu membina masyarakat yang sihat daripada semua sudut."
>
> JANUARIE



JANUARIE mula bertugas sebagai Renjer Taman Negara Niah sejak 2011.



JANUARIE (tiga dari kanan) memberi penerangan kepada pelancong yang melawat keindahan dan keunikan Taman Negara Niah.



MENJADI Renjer Taman Negara Niah membolehkan Januarie menjelaskan kepada orang ramai tentang kepelbagaian spesies flora dan fauna yang ada di Sarawak.

Kosmo 19.11.2021_30